



JULIZA AMERUDDIN perlukan tongkat untuk berjalan.



JULIZA AMERUDDIN menunjukkan gambar mesin bantuan pernafasan Bipap yang diperlukannya.

Bergantung hidup dengan tiub

SETAKAT ini suah 95 hari saya bergantung hidup dengan tiub mesin bantuan pernafasan ventilator di ICU (Unit Jagaan Rapat) Hospital Kuala Lumpur (HKL), selama lebih kurang lapan tahun diserang penyakit ini. Alhamdulillah, umur saya masih panjang ujar Juliza Ameruddin, 32.

Biarpun agak tergagam mendengar tentang penyakit yang kelelahan dan peraram itu, tetapi dia tidak lepas semangat juangnya kerana semangat berada di hospital.

Juliza yang merupakan penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP), ketika ditemui di rumahnya di PPR Batu Muda, Kuala Lumpur memberitahu, sejak dia menderita penyakit astma kronik yang dikenali sebagai *Brittle Bronchial Asthma* yang dialami sejak 2010, hospital telah menjadi rumah utamanya.

Kali pertama mengalami penyakit itu, dia terpaksa ditahan di dalam wad, selama dua tahun untuk menjalani rawatan dan memerlukan tiub pernafasan untuk bernafas.

Ketika itu dia juga tidak boleh bergerak kerana menyakitkan bengkak kakak akibat darah berdarah dan juga itu mungkin disebabkan simptom kesukaran bernafas yang dialami.

Kisah masyarakat

Oleh ROSMAH DAIN
rosmah.dain@
utusan.com.my

Akhirnya setelah menjalani sesi fisioterapi dari 2012 hingga 2013, dia berhenti dapat bersebak kerana...

"Akhirnya penyakit ini saya asyik berada di hospital. Kadang-kadang seminggu sahaja saya berada di rumah, sebelum dimasukkan ke hospital semula untuk jalani rawatan. Adakalanya saya terpaksa berada di hospital selama beberapa hari atau lebih, ini menyebabkan pengajian di universiti terganggu," katanya.

Bercerita bagaimana penyakit ini mulai menimpa dirinya, Juliza memberitahu, sebelum ini dia langsung tidak berhadapan dengan masalah sempat atau asma, ketika itu dia masih dalam pengajian di peringkat diploma di Universiti Kuala Lumpur (Uniku) pada 2006, apabila diserang demam, batuk dan selesesa berpanjangan.

Apabila berjumpa doktor, penyakitnya itu didapati sudah pun moleras.

Juliza berkata, lazimnya pesakit asma seperti



apabila menggunakan inhaler akan mendapatkan bantuan oksigen di klinik-klinik biasa, sifat bolus mereka kuat, tetapi dia sebaiknya apabila perlu menggunakan tiub pernafasan untuk bernafas setiap ketika.

Wanita ini mengaku, penyakit yang dialami memerlukannya menggunakan tiub oksigen sepanjang masa. Selama ini, dia menggunakan mesin bantuan pernafasan Terapi Oksigen Jangka Pandang (LTOT), yang berfungsi mengangkut oksigen dari sumber yang ada ke badan. Namun lagi-lagi selama mesin ini tidak lagi mampu menyediakan cabang oksigen

“

Saya perlukan mesin ini dengan segera kerana keadaan kesihatan yang tidak lagi menentu membuatkan saya semakin susah untuk bernafas. Mesin Bipap ini memudahkan saya membawanya ke mana-mana (portable).

yang mencukupi kerana keadaan kesihatannya yang semakin buruk.

Juliha yang memerlukan sebuah tabung bekalan oksigen yang lebih berpanjangan dinamakan mesin pernafasan Tekanan Udara Positif Dwalah (Bipap) berharga RM26,500.

Dia turut memperlukan surat sokongan HKL Tertulis pada surat berkenaan, selain menderita *Brittle Bronchial Asthma* dengan sejarah kemusikan ke ICU, dia juga disahkan sebagai pengidap *Oesophagus secondary to steroid, adrenal insufficiency*, paru-paru kronik dan *hypercapnia*.

"Saya perlu mesin ini

dengan segera kerana keadaan kesihatan yang tidak lagi menentu membuatkan saya semakin susah untuk bernafas. Mesin Bipap ini memudahkan saya membawanya ke mana-mana (portable).

"Saya amat memerlukan peralatan ini untuk menambah baik dan memulihkan kualiti hidup saya semula," rayunya yang merupakan anak sulung daripada lima orang adik-beradik.

Juliha memberitahu, dengan keadaan dirinya yang masih muda dia tidak mampu membayar sebaiknya dia tidak bekerja dan pendapatan bapa sekitar RM1,500 sebagai pembantu kedai makan, dia berharap agar ada pembaca yang sudi untuk menyumbang bantuan bagi membolehkannya membeli mesin itu.

Setakat ini, dia turut menerima bantuan bulanan dari Jabatan Rehabilhan Masyarakat (JRM) dan UMP, serta pemerkasa kad ORU (orang kurang upaya).

"Saya memang perlukan mesin ini. Sekarang ini tubuh saya pun sudah alah dengan ubat, tulang pun sudah mulai reput," katanya berseloroh.

Sumbangan boleh diberikan kepada Juliha Ameruddin:

16-43 3331 9073 (Maybank)
atau
2000 2154 27 (CIMB).